

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 JUNE 2016



Ahmad Zahid menyampaikan cek elaun sara hidup nelayan kepada Pengerusi Persatuan Nelayan Sungai Besar, Abdul Karim Lambak (dua dari kiri) pada Majlis Penyampaian Elaun Sara Hidup Nelayan dan Pelancaran Sistem Pengenalautomatik (AIS) di Sekinchan, semalam.

Isu dibawa Tun M tak relevan

BH- 12/6/2016

➔ BN yakin pengundi tidak terpengaruh kempen sokong pembangkang

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Shamsul Kamal Amarudin
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Kangsar

Isu dibawa Tun Dr Mahathir Mohamad pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar semalam, adalah isu basi yang tidak relevan dengan kehendak pengundi di kawasan itu.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata beliau turut sedih kerana bekas Perdana Menteri tergamak menggunakan PRK untuk menyerang Perdana Menteri sedangkan Datuk Seri Najib Razak tidak bertanding di kawasan itu.

"Malah, saya percaya apabila beliau datang ke Kuala Kangsar esok (hari ini), isu sama juga akan dibawa dan terserah kepada pengundi untuk menilainya.

"Jika saya pengundi, saya tidak akan terpengaruh, kerana dalam kedua-dua PRK ini, sebarang hujah perlu ada asas dan apa yang dimahukan pengundi di kedua-dua kawasan itu," katanya selepas majlis ramah mesra dengan pengundi di Kampung Masjid, Kampung Ketior Luar di sini, semalam.

Hishammuddin yang juga Menteri



[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

Pertahanan berkata, beliau pelik kerana Dr Mahathir mahu pembangkang menumpaskan Barisan Nasional (BN) dalam dua PRK itu, tetapi hanya menyokong satu parti sahaja.

Kematangan berpolitik

Beliau juga gembira selepas seminggu berkempen, didapati isu peribadi, sentimen agama dan kaum kurang digunakan yang menunjukkan kematangan berpolitik di kalangan pihak yang bertanding.

"Walaupun ada satu kes menyentuh isu peribadi dibawa oleh bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, beliau cepat meminta maaf bagi membolehkan isu seperti ini dapat segera ditutup," katanya.

Di **Sungai Besar**, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata BN tidak gusar dengan tindakan Dr Mahathir berkempen untuk pembangkang.

Beliau berkata, rakyat dan pengundi sudah sedar dengan gerakan dibawa bekas Perdana Menteri itu te-

utama apabila beliau bersekongkol dengan musuh politiknya, DAP.

"Mungkin dahulu ada yang ber-simpati kepada beliau kerana perbezaan pendapat. Tetapi apabila beliau bersekongkol dengan musuh politik, sedangkan beliau ajar kita tidak menerima musuh politik, ramai yang tidak dapat menerimanya.

Tak ramai terpengaruh

"Maka, jangan risau tidak ramai akan terpengaruh dan terikut. BN juga tidak perlu tangkis dengan apa yang beliau lakukan kerana masyarakat akan tangkis sendiri. Kita kasihan dengan beliau kerana tersalah jalan," katanya pada sidang media selepas melawat Pusat Media bagi PRK Parlimen Sungai Besar di sini, semalam.

Ahmad Zahid berkata, apa yang berlaku pada Dr Mahathir mungkin disebabkan dirinya mengalami konflik dan keclaruan minda sehingga memilih untuk berada di pentas pembangkang bersama bekas musuh politiknya.

Hishammuddin bersama penduduk kampung selepas majlis ramah mesra dengan pengundi di Kampung Masjid, Kampung Ketior Luar, Kuala Kangsar, semalam.

Fakta nombor

32,949
PENGUNDI

bagi Parlimen Kuala Kangsar

68 PERATUS
pengundi Melayu

24 PERATUS
pengundi Cina